

BAB 1

PENDAHULUAN

Penyelidikan ini merupakan satu penyelidikan kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa Cina. Kedua-dua bahasa ini berasal daripada filum yang berlainan. Istilah filum merujuk kepada kelompok bahasa yang lama waktunya 5000 tahun atau lebih (Asmah Haji Omar, 1988:35). Bahasa Cina merupakan satu cabang daripada keluarga bahasa Sino-Tibetan (Charles N. Li and Sandra A. Thompson, 1981:2) manakala bahasa Melayu berasal daripada filum Austrik. Bahasa Melayu termasuk dalam keluarga Indonesia, di bawah rumpun Austronesia. (Asmah Haji Omar, 1988:35-37).

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan analisis kontrastif (CA). Jacek Fisiak mendefinisikan analisis kontrastif sebagai satu subdisiplin linguistik yang berkaitan dengan dua atau lebih bahasa untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara bahasa-bahasa tersebut. Definisi CA yang diberi oleh Jacek Fisiak adalah seperti berikut:

“Contrastive linguistics may be roughly defined as a subdiscipline of linguistics concerned with the comparison of two or more languages or sub-systems of language in order to determine both the differences and similarities between them.” (Jacek Fisiak, 1981:1)

Analisis kontrastif adalah satu teknik menganalisis linguistik yang dikembangkan oleh Bloomfield (1914), dengan tujuan menganalisis bahasa dengan

terencana. Analisis ini selanjutnya diterap dan diperkembang oleh ahli-ahli linguistik seperti Fries dan Lado dalam tahun lima puluhan. Menurut mereka, dalam proses pembelajaran bahasa kedua, pelajar banyak dipengaruhi atau diganggu oleh bahasa pertama mereka. Segala kesalahan atau kesilapan dapat dikesan pada bahasa pertama pelajar (Jamaliah Mohd Ali, 1990:333).

Lado (1957:2) mengatakan bahawa:

“....individuals tend to transfer the forms and meanings , and the distribution of forms and meanings of their native language and culture to the foreign language and culture – both productively when attempting to speak the language and to act in the culture, and receptively when attempting to grasp and understand the language and the culture as practiced by natives. ”

Ini bermakna individu cenderung memindahkan bentuk, makna dan distribusi serta makna bahasa ibunda dan budaya mereka ke dalam bahasa sasaran yang dipelajari.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan membandingkan jenis penjodoh bilangan dan penggunaannya dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina. Namun tumpuan akan diberi kepada perbezaan penggunaan penjodoh bilangan dalam kedua-dua bahasa tersebut. Wujudnya perbezaan penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina adalah kerana persepsi kaum Melayu dan kaum Cina terhadap sesuatu benda adalah berbeza. Misalnya bagi kata nama gigi, orang Melayu melihatnya sebagai benda yang agak panjang, leper dan keras., maka penjodoh bilangan ‘batang’ digunakan. Sebaliknya orang Cina melihat gigi sebagai benda yang kecil dan agak bulat, maka penjodoh bilangan 颗 kē (bijirin) digunakan.

1.1 Penyataan Masalah

Dalam pembelajaran penjodoh bilangan bahasa Cina, masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu adalah berbeza mengikut tahap penguasaan mereka. Namun, daripada penelitian penyelidik, didapati kebanyakkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah kerana pelajar menghadapi masalah gangguan bahasa ibunda. Pelajar cenderung memindahkan pola bahasa ibunda ke bahasa sasaran. Oleh itu, mereka cenderung menggunakan penjodoh bilangan yang salah untuk sesuatu kata nama atau tidak menggunakan penjodoh bilangan langsung untuk sesuatu kata nama.

Pelajar Melayu menghadapi masalah dalam memilih penjodoh bilangan yang sesuai adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i) Bilangan penjodoh bilangan bahasa Cina yang jauh lebih banyak jika dibandingkan dengan penjodoh bilangan bahasa Melayu.
- ii) Perangkaian penjodoh bilangan dengan kata nama dalam bahasa Cina adalah lebih rumit jika dibandingkan dengan perangkaian penjodoh bilangan dengan kata nama dalam bahasa Melayu umpamanya:

- a) Banyak benda yang boleh dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sama dalam bahasa Melayu tetapi menggunakan penjodoh bilangan yang berlainan dalam bahasa Cina. Contohnya:

Bil	Kata nama	Penjodoh bilangan (bahasa Cina)	Penjodoh bilangan (bahasa Melayu)
1	书 shū buku	本 běn	buah
2	帽子 màozi topi	顶 dǐng	buah
3	国家 guójiā negara	个 gè	buah

- b) Dalam bahasa Cina, terdapat kata nama yang boleh dirangkaikan dengan lebih daripada satu penjodoh bilangan. Contohnya:

Bil	Kata nama	Penjodoh bilangan (bahasa Cina)	Penjodoh bilangan (bahasa Melayu)
1	屋子 wūzi rumah	间 jiān 幢 zhuāng 栋 dōng	buah buah buah

- c) Dalam bahasa Cina, terdapat sebilangan besar benda pula yang boleh dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sama tetapi menggunakan penjodoh bilangan yang berlainan dalam bahasa Melayu. Contohnya:

Bil	Kata nama	Penjodoh bilangan (bahasa Melayu)	Penjodoh bilangan (bahasa Cina)
1	Seluar	pasang	条 tiáo
2	Jalan raya	batang	条 tiáo
3	Tali	utas	条 tiáo

- iii) Oleh sebab persepsi orang Melayu dan orang Cina terhadap sesuatu benda adalah berbeza, maka penggunaan penjodoh bilangan juga berbeza. Sebagai contoh, orang Melayu melihat seluar sebagai benda yang berpasangan, oleh itu penjodoh bilangan ‘pasang’ digunakan. Manakala orang Cina melihat seluar sebagai benda yang lurus dan panjang, oleh itu penjodoh bilangan 一条 tiáo digunakan.

Faktor-faktor yang disebut di atas membawa masalah kepada pelajar Melayu dalam proses pembelajaran penjodoh bilangan bahasa Cina. Oleh itu, kajian yang berkaitan dengan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan penjodoh bilangan bahasa Cina perlu dijalankan.

1.2 Tujuan Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- i) Menghuraikan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina.
- ii) Membandingkan jenis dan penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina.
- iii) Melihat persamaan dan perbezaan dalam penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina.
- iv) Mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar Melayu dalam penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina.
- v) Menerangkan punca-punca berlakunya kesilapan dalam penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina oleh pelajar Melayu.

Selain itu, penyelidik berharap agar hasil kajian ini dapat memperkaya pengetahuan kita tentang penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina. Di samping itu, kajian ini diharap dapat memberi faedah kepada pengajar dan pelajar bahasa Cina supaya pengajaran dan pembelajaran penjodoh bilangan menjadi lebih cepat, mudah dan efektif. Hasil kajian juga membolehkan langkah pemulihan yang sesuai dijalankan dari semasa ke semasa.

1.3 Kepentingan Kajian

Dapatkan kajian ini dapat membantu para pelajar khususnya pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina mengurangkan kesilapan mereka semasa menggunakan penjodoh bilangan. Para pelajar dapat mengetahui punca kesilapan mereka dan seterusnya membetulkan kesilapan tersebut. Lebih-lebih lagi, pelajar dapat menggunakan penjodoh bilangan bahasa Cina secara tepat dan berkeyakinan dalam pertuturan harian.

Di samping itu, kajian ini dapat membantu para pengajar bahasa Cina khususnya mereka yang mengajar bahasa Cina kepada pelajar-pelajar Melayu, mengenal pasti persamaan dan perbezaan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina. Berdasarkan hasil perbandingan yang diperolehi, mereka dapat meneliti masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar. Selain itu, kesilapan pelajar juga dapat dikenalpasti melalui ujian yang diberikan kepada pelajar. Setelah masalah dan kesilapan pelajar dikenal pasti, langkah-langkah pemulihan yang merangkumi pelbagai jenis teknik dan bahan pengajaran, latihan dan ujian yang sesuai dapat disediakan.

1.4 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini merupakan analisis kontrastif penjodoh bilangan antara dua bahasa daripada rumpun bahasa yang berlainan. Jenis bahasa yang dikaji ialah bahasa Melayu dan bahasa Cina.

Penyelidik akan membuat perbandingan antara penjodoh bilangan bahasa Melayu dan penjodoh bilangan bahasa Cina. Seterusnya ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina akan diuraikan.

Subjek dalam kajian ini terdiri daripada 40 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang mengikuti kelas bahasa Cina tahap 3. Jawapan daripada ujian pelajar tersebut akan dianalisis untuk mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Kesilapan tersebut akan dianalisis mengikut jenis dan seterusnya peratusan kesilapan akan dikira.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya akan menumpukan perhatian kepada penjodoh bilangan dari aspek makna, jenis dan penggunaan.

1.5 Asal-usul dan Perkembangan Bahasa Melayu

Mengikut Abdullah Hassan (1993:26), bahasa Melayu tergolong dalam kelompok Nusantara di bawah keluarga bahasa Austronesia. Bahasa-bahasa Austronesia tersebar dari Taiwan di Utara ke New Zealand di Selatan, Pulau Krismas

di Timur dan Madagaskar di Barat. Bahasa Austronesia ini terbahagi kepada tiga kelompok besar iaitu Nusantara, Melanesia dan Polinesia.

Pada abad ketujuh, bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa kebangsaan oleh kerajaan Melayu di Sumatera. Pada akhir abad itu, kenaikan kerajaan Sriwijaya sebagai sebuah empayar bumiputera yang besar dan yang pertama di Kepulauan Melayu telah menyebabkan bahasa Melayu tersebar luas di seluruh Asia Tenggara. Bahasa Melayu berkembang menjadi bahasa rasmi pemerintah, bahasa perdagangan, bahasa perhubungan antarabangsa dan juga bahasa ilmu pengetahuan. Bahasa Melayu seterusnya juga menjadi bahasa pemerintahan dan pentadbiran bagi kerajaan-kerajaan besar Aceh, Sulu, Brunei dan Johor. Bagaimanapun, dengan kedatangan kuasa Barat ke kawasan ini, khususnya penjajahan Inggeris pada abad 19, bahasa Melayu mengalami penyesaran daripada bahasa kuasa Barat tersebut.

Menurut Asmah Haji Omar (1992: 72), kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945 yang diikuti oleh kemerdekaan Malaya pada tahun 1957, merupakan peristiwa yang penting yang mengembalikan kepada bahasa Melayu tarafnya sebagai bahasa pemerintahan dan pentadbiran dan bahasa budaya tinggi. Dasar bahasa di Malaysia yang meletakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan telah menjadi dasar bagi perkembangan bahasa Melayu di Malaysia. (Awang Sariyan, 1985:2-3)

Menurut Nik Safiah Karim (1986:ii-v), perkembangan bahasa Melayu boleh dikatakan telah mengalami tiga tahap utama. Tahap pertama dilalui pada zaman negara baru mencapai kemerdekaan. Pada ketika itu perjuangan utama ialah untuk menyakinkan rakyat negara baru (Persekutuan Tanah Melayu) bahawa bahasa kebangsaan negara yang baru dipilih, bahasa Melayu, berkemampuan menjalankan tugas-tugasnya, iaitu tugas-tugas yang sebelum ini dipikul oleh bahasa Inggeris. Sebahagian besar daripada perjuangan ini dijalankan oleh Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, dibantu oleh pejuang dan pencinta bahasa di seluruh tanah air. Kempen psikologi ini berjalan dengan rancak, menerusi pelbagai aktiviti termasuk usaha-usaha terkenal dalam bentuk Hari Bahasa Kebangsaan, Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Tahap kedua ialah tahap pemupukan asas bahasa Melayu, iaitu tahap mengembang, mengemaskini dan membentuk pelbagai aspek struktur bahasa untuk menjadikannya satu bahasa moden. Sistem ejaan bahasa Melayu diperbaiki dan diseragamkan dengan ejaan bahasa Indonesia. Istilah khusus digubal dan diselaraskan dengan usaha peristilahan di Indonesia. Kamus baru yang mencerminkan perkembangan bahasa Melayu disusun. Usaha penerbitan dimulakan dengan tujuan menyediakan bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Selaras dengan langkah kerajaan menubuhkan sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, maka usaha-usaha penyediaan buku-buku teks dipertingkatkan. Penerbitan berkala, yang membicarakan soal-soal bahasa dan kemasyarakatan juga diusahakan. Selaras dengan usaha gigih kerajaan melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan, bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa rasmi, digunakan sebagai

bahasa dalam urusan-urusan pentadbiran, tetapi juga sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian tinggi.

Kini bahasa Melayu berada di ambang tahap ketiga, tahap pemupukan aspek-aspek keindahan kerana sesuatu bahasa itu tidak seharus cekap semata-mata, bahasa Melayu juga hendaklah indah dan sedap didengar. Untuk mencapai tahap ini bahasa Melayu harus mempunyai dua ciri utama. Pertama bahasa Melayu hendaklah sempurna, dengan erti kata serba lengkap dari segi ejaan, sebutan, pembentukan kata dan peraturan-peraturan tatabahasanya. Sifat kedua ialah sifat yang menyaingi sifat kesempurnaan ini, iaitu sifat keindahan. Bahasa itu bukan sahaja harus betul dan berkesan, tetapi ia juga hendaklah indah, menimbulkan kesan seni dan menyentuh kehalusan fikiran dan perasaan. Aspek ini sedang dipupuk dengan cara menimba dari khazanah bahasa Melayu yang sedia ada dan juga melalui peminjaman dari luar.

Bahasa Melayu telah menjadi salah satu bahasa utama di dunia sungguhpun belum mencapai taraf antarabangsa. Walau bagaimanapun bahasa Melayu akan terus hidup subur di Malaysia dan kawasan-kawasan lain sebagai bahasa perhubungan sosial, ilmu pengetahuan dan budaya tinggi dalam abad 21 ini.

1.5.1 Bahasa Melayu Standard

Menurut Asmah, bahasa standard ialah bahasa yang diterima oleh semua anggota dalam masyarakat. Bahasa standard digunakan dalam urusan rasmi dan juga sebagai bahasa pengantar pendidikan. Definisi bahasa standard yang diberi oleh Asmah adalah seperti berikut:

“...merupakan kelainan bahasa, yakni dialek, yang diterima oleh semua anggota dalam masyarakat bahasa yang berkenaan, yang dijadikan norma atau dialek prestij, yakni sebagai dialek yang digunakan dalam hubungan tak bersahaja dan rasmi dan juga sebagai dialek yang digunakan sebagai bahasa pengantar pelajaran.” (Asmah, 1977: 2)

Bahasa standard, seperti yang difahami oleh ahli linguistik mempunyai pengertian yang lebih daripada hanya sebagai satu bahasa yang memberi status kepada pemakai bahasa atau bahasa yang menggambarkan keseragaman dalam penyebutan. Bahasa standard seperti yang didefinisikan oleh Einar Haugen adalah kelainan bahasa yang menggambarkan keseragaman dalam bentuk dan fungsi. (Asmah, 1989: 111)

Bahasa Melayu standard adalah berdasarkan bahasa Melayu tulisan. Menurut Asmah (1989: 116), bahasa Melayu tulisan yang terdapat sekarang ini memperlihatkan lanjutan daripada Sejarah Melayu yang merupakan bahasa standard dalam wilayah kerajaan Johor dalam abad ke-17. Bahasa Melayu standard digunakan dalam hal-hal yang bersifat akademik, falsafah dan profesional dan juga dalam bahasa kesusasteraan.

1.5.2 Sistem Ejaan dan Tulisan Bahasa Melayu

Sebelum abad ke-20, sistem tulisan standard dalam bahasa Melayu ialah sistem tulisan Jawi yang disesuaikan daripada huruf Arab. Selepas abad ke-20, bahasa Melayu ditulis dalam sistem tulisan Rumi. Pada tahun 1904 (semasa penjajahan British), ejaan rumi rasmi mula-mula disusun oleh R.J. Wilkinson dan dikenali sebagai Ejaan Wilkinson. Kemudian Pendita Za'ba membuat beberapa

perubahan terhadap sistem tersebut dan dari itu timbul sistem Za'ba. Sistem Za'ba ini juga dikenali sebagai Ejaan Sekolah kerana digunakan di sekolah-sekolah. Selepas itu, Kongres Bahasa Melayu di Singapura telah menghasilkan Ejaan Kongres. Pada tahun 1967, rundingan antara Malaysia dan Indonesia dalam usaha untuk mencari kata sepakat dalam satu sistem ejaan yang boleh digunakan oleh kedua-dua negara telah menghasilkan Ejaan Bersama Malaysia-Indonesia. Akhirnya pada tahun 1972, masalah kepelbagaiannya ejaan ini diselesaikan dengan pengenalan sistem Ejaan Rumi Bahasa Malaysia yang dipersetujui oleh Malaysia dan Indonesia.

1.6 Bahasa Cina

Menurut Charles N. Li dan Sandra A. Thompson (1981:2) bahasa Cina tergolong dalam rumpun bahasa Sino-Tibetan. Perkataan Sino merujuk kepada pelbagai variasi bahasa Cina yang biasanya dikenali sebagai dialek. Manakala perkataan Tibet pula merujuk kepada beberapa bahasa yang terdapat di Tibet, Burma dan kawasan yang berdekatan dengannya (David Crystal, 1992:310). Bahasa Cina merupakan bahasa isolatif yang mempunyai sedikit infleksi tatabahasa.

Bahasa Cina merupakan bahasa yang paling penting dalam rumpun bahasa Sino-Tibetan. Bahasa Cina dituturkan di negara China, Taiwan, Malaysia, Singapura dan kawasan lain di Asia Tenggara serta oleh banyak lagi komuniti Cina di seluruh dunia.

Dialek Mandarin merupakan kumpulan dialek yang terbesar di negara China dan terdapat lebih kurang 70% penduduk di negara China menuturkan dialek ini. Oleh itu, variasi dialek ini telah menjadi bahasa rasmi di negara China sejak awal abad ke-20. Pada 18 Disember 1973, Persidangan UNESCO ke-18 telah bersetuju untuk menjadikan 汉语 Hanyǔ (bahasa Mandarin) sebagai salah satu bahasa pengantar dalam persidangan-persidangan UNESCO. Setakat ini, terdapat enam jenis bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar di UNESCO iaitu bahasa Mandarin, bahasa Inggeris, Russia, Perancis, Sepanyol dan Arab. (Hu Yushu, 1987:5).

Di negara China, bahasa Cina dikenali sebagai 普通话 pǔtōnghuà (bahasa umum). Di Taiwan bahasa Cina dinamakan 国语 guóyǔ (bahasa nasional). Di negara-negara Barat pula, ia dikenali sebagai bahasa Mandarin atau 汉语 Hanyǔ. Manakala di Malaysia dan Singapura, bahasa Cina dikenali sebagai 华语 Huáyǔ. Walaupun istilah itu berbeza, tetapi ia merujuk kepada bahasa yang sama iaitu bahasa Cina.

1.6.1 Tona Dalam Bahasa Cina

Tona ialah satu ciri penting dalam menyebut suku kata bahasa Mandarin kerana bahasa Cina merupakan bahasa bertona. Terdapat empat tonal dalam bahasa Cina. Setiap suku kata dalam bahasa Cina mesti disebut mengikut tonal yang betul kerana setiap suku kata mungkin mempunyai dua atau lebih makna bergantung kepada tonal yang mengiringi kata tersebut. Tonal yang tidak betul akan menjasikan kejelasan dan ketepatan makna kepada sesuatu perkataan. Sebagai contoh, perhatikan suku kata ‘wu’ dalam bahasa Cina seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1.1: Penggunaan Tona dalam Bahasa Cina

Perkataan	Suku kata dengan penanda tonal (Hanyu Pinyin)	Maksud
屋	wū	rumah
无	wú	tiada
五	wǔ	lima
悟	wù	sedar

Setiap perkataan di atas mesti disebut dengan tonal yang tepat supaya makna perkataan yang disebut itu betul.

1.6.2 Tulisan Bahasa Cina

Tulisan merupakan hasil perkembangan bahasa dan kebudayaan serta ekonomi sesebuah masyarakat. Tulisan bahasa Cina merupakan sejenis tulisan logogram, ia menghubungkan bahasa Cina dan kebudayaan orang Cina. (Xiang Xi, 1998: 31).

Pembentukan tulisan bahasa Cina telah berkembang melalui empat cara iaitu:

- i) piktografik (*pictographic*)
- ii) ideografik (*ideographic*)
- iii) harmonik (*harmonic*)
- iv) agregat logik (*logical aggregates*)

Jadual 1.2: Kaedah-kaedah Pembentukan Tulisan Bahasa Cina

Kaedah piktografik 象形 xiāngxíng	日 rì	'matahari'	月 yuè	'bulan'
Kaedah ideografik 指事 zhǐshì	上 shàng	'atas'	下 xià	'bawah'
Kaedah harmonik 形声 xíngshēng	父 + 巴 = 爸 fù + bā = bà 爸		女 + 马 = 妈 nǚ + mǎ = mā 妈	
	bà	'bapa'	mā	'emak'
Kaedah agregat logik 会意 huìyì	木 + 木 = 林 mù + mù = lín 林		人 + 言 = 信 rén + yán = xìn 信	
	lín	'hutan'	xìn	'surat'

Menurut Gao Wenyuan (1991:12-13), terdapat lebih kurang 57000 perkataan Cina dalam kamus yang paling lengkap di negara China, iaitu kamus 汉语大词典 Hángyǔ Dàcídiǎn. Walau bagaimanapun, cuma 3500 perkataan Cina yang selalu digunakan. Tulisan bahasa Cina telah berubah daripada bentuk yang rumit ke bentuk yang lebih mudah ditulis. Usaha untuk mempermudah tulisan bahasa Cina dengan mengurangkan jumlah coret (*strokes*) telah menghasilkan sebuah versi tulisan yang

dikenali sebagai 简化字 jiǎnhuàzì (versi mudah atau *simplified version*). Mulai tahun 1982, versi mudah ini diterima dan digunakan di semua sekolah rendah aliran Cina di Malaysia di bawah sukatan KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah).

1.6.3 Hanyu Pinyin

Cara penulisan untuk sebutan perkataan bahasa Cina yang paling saintifik diperkenalkan pada tahun 1958 di negara Cina (Wang Tieku, 1994: 89) dan dikenali sebagai 汉语拼音 Hanyu Pinyin. Hanyu Pinyin merupakan satu sistem fonetik untuk menulis bahasa Cina dengan menggunakan abjad Rumi. Sistem tulisan yang mengandungi 58 simbol itu bertujuan membantu penyebaran 普通话 pǔtōnghuà dan pembelajaran bahasa Cina (David Crystal, 1992: 313) serta menyatukan cara sebutan perkataan Cina. (Wang Tieku, 1994: 89).

Di Malaysia, Hanyu Pinyin yang terkandung dalam sukatan KBSR telah digunakan untuk menggantikan sistem fonetik yang lama, iaitu 注音字母 zhùyīn zìmǔ. Hanyu Pinyin telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan bahasa Cina di sekolah rendah kebangsaan Cina.

Dalam kebanyakan institut pengajian tinggi di Malaysia seperti UiTM (Universiti Teknologi Mara), UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara), kursus bahasa Cina tahap permulaan diajar dengan menggunakan Hanyu Pinyin.

1.6.4 Pendidikan Bahasa Cina di Malaysia

Menurut Zhen Liangshu, lebih kurang 100 tahun selepas penubuhan Kesultanan Melayu Melaka pada awal abad ke-15, orang Cina mulai menetap di Tanah Melayu. (dipetik daripada Mok Shunsheng, 2000: 10). Penghijrahan orang-orang Cina ke Tanah Melayu bukan sahaja membawa bersama kebudayaan mereka, malah juga pendidikan bahasa Cina. Pada masa itu, ibu bapa Cina mengupah pengajar untuk mengajar anak-anak mereka atau menghantar anak-anak ke rumah pengajar untuk belajar. Pada awal abad ke-19, sudah terdapat sekolah pondok di kawasan penempatan orang Cina. Contohnya, pada tahun 1815 terdapat 9 buah sekolah pondok di Melaka; pada 1830-an terdapat 3 buah sekolah pondok dan sebuah sekolah perempuan di Pulau Pinang; pada tahun 1829 terdapat 3 buah sekolah pondok di Singapura (Mok Shunsheng, 2000: 13).

Mengikut Mok Shunsheng (2000: 15,16), dari 1871 hingga 1901, sekolah pondok Cina bertambah kerana peningkatan bilangan orang Cina secara mendadak. Pada tahun 1904, sekolah Cina moden yang pertama didirikan di Pulau Pinang. Selepas itu, sekolah Cina mulai berkembang dengan pesat.

Pada tahun 1958, kebanyakan sekolah Cina telah diserap ke dalam sistem pendidikan negara dan menjadi sekolah kerajaan. Selaras dengan Akta Pelajaran 1961, sekolah bantuan kerajaan di peringkat sekolah rendah iaitu SRJK (C) dan SRJK (T) diizinkan menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Bahasa Cina yang digunakan di SRJK (C) dikenali sebagai 华语 Huáyǔ. Bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib kepada semua pelajar.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan kebanyakan IPT awam di Malaysia seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga telah menawarkan kursus bahasa Cina kepada pelajar-pelajar Melayu.

Pada tahun 1970 an, Pusat Bahasa UiTM telah memulakan pengajaran Bahasa Cina. Prihatin pemimpin-pemimpin UiTM terhadap pembelajaran bahasa Cina amat mengagumkan. Antara objektif pembelajaran bahasa Cina di UiTM adalah seperti berikut:

- i) untuk membolehkan pelajar-pelajar UiTM menguasai bahasa Cina baik dari segi pertuturan maupun dari segi penulisan.
- ii) untuk memudahkan para graduan UiTM mengendalikan tugas-tugas mereka di firma-firma dan di bank-bank yang mempunyai ramai kakitangan dan pelanggan Cina.
- iii) untuk membolehkan pelajar-pelajar UiTM yang bakal menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan pengurusan dapat berhubung dan seterusnya bersaingan dengan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Cina di Malaysia dan di negara-negara yang banyak menggunakan bahasa Cina di rantau ini, dan
- iv) untuk mewujudkan semangat muhibah dan hormat-menghormati di antara kaum bumiputera dan orang-orang Cina di Malaysia di samping membantu mempercepat proses integrasi nasional yang menjadi matlamat utama kerajaan.

Di antara bahasa-bahasa asing yang ditawarkan sebagai bahasa ketiga oleh Pusat Bahasa UiTM, bahasa Cina merupakan pilihan utama pelajar-pelajar. Di samping mengendalikan kelas bahasa Cina untuk pelajar pengajian sepenuh masa, Pusat Bahasa UiTM juga mengendalikan kelas bahasa Cina untuk kakitangan UiTM dan orang ramai yang berminat.